

Headline **Empat pelajar IPTA wakili negara ke program Hitachi**
Date **03. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **31**
Section **Pendidikan** Article Size **143** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Empat pelajar IPTA wakili negara ke program Hitachi

Oleh Rosniza Mohd Taha

EMPAT pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terpilih mewakili negara ke program Inisiatif Pemimpin Muda Hitachi (HYLI) ke-9 yang akan berlangsung di Jakarta, Indonesia, mulai 7 hingga 11 Julai ini.

Pelajar berkenaan Yanti Norafizza Mansor dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Alan Kwan Wai

Ming (Universiti Malaysia Sabah - UMS) serta dua pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Yom Nurul Akmar Abdul Lahsan dan R Rena Rajadorai.

Yanti pelajar pengajian Bahasa Inggeris, Alan (Perdagangan), Yom (Sains Alam Sekitar) dan Rena (Sains Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat) akan menyertai program itu bersama 24 lagi pelajar dari Indonesia, Jepun, Filipina, Singapu-

ra, Thailand dan Vietnam.

Jawatankuasa HYLI ke-9 dalam kenyataannya berkata, wakil negara terbabit terdiri daripada pelajar yang memiliki ciri keusahawanan, selain kepakaran dalam bidang sains sejajar tema program kali ini 'Menguatkan Kerjasama Asia - Integrasi Ekonomi dan Pengurusan Tenaga'.

Kecenderungan Yanti dalam bidang keusahawanan terbukti apabila beliau mengambil inisiatif menyer-

tai program latihan dalam bidang itu termasuk Kursus Asas Keusahawanan Siswa, selain menjadi wakil UKM dalam Konvensyen Pemimpin Keusahawanan Pelajar IPTA pada tahun lalu.

Alan yang mengambil bidang pengkhususan Keusahawanan diberi kepercayaan sebagai Bendahari Kelab Keusahawanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS, selain aktif menyertai pertandingan termasuk

L'Oreal e-Strat Challenge 2008.

Walaupun mengikuti bidang pengajian sains, ciri keusahawanan Yom tetap terserlah hingga beliau diberi kepercayaan menerajui Sektor Keusahawanan Jawatankuasa Tinggi Pelajar Kolej Ke-12 UPM, selain turut berbakat sebagai pendebat universiti hingga ke peringkat kebangsaan.

Rena juga banyak menyertai pertandingan debat hingga ke peringkat kebangsaan serta aktif seni teater.